

NO. SOALAN: <sup>45</sup> ....

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]

TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)

**SOALAN :**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun boleh menukar agama mereka tanpa persetujuan ibu bapa di bawah undang-undang. Nyatakan bilangan kes penukaran agama yang berlaku di Sabah dari tahun 2004 hingga 2014.

**JAWAPAN:** (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa agama bagi kanak-kanak di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh **ibu atau bapa atau penjaga** kanak-kanak itu. Justeru, kanak-kanak di bawah umur lapan belas tahun tidak boleh menetapkan agamanya sendiri.

Dalam kes *Teoh Eng Huat v Kadhi of Pasir Mas, Kelantan & Anor [1990] 1 CLJ 277*, apabila Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa berdasarkan Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan, kanak-kanak bukan Islam yang berumur di bawah 18 tahun tidak mempunyai hak untuk menentukan agama pilihannya. Oleh itu, sekiranya dia hendak memeluk agama Islam, dia hendaklah mendapatkan keizinan daripada ibu atau bapa atau penjaganya terlebih dahulu.

Dalam hal ini, mana-mana orang yang ingin memeluk agama Islam, adalah tertakluk kepada peruntukan berkenaan pemelukkan agama Islam dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan sedang meneliti semula undang-undang berkaitan dan mencadangkan beberapa pindaan yang bersesuaian berhubung isu pemelukkan Islam oleh salah seorang pasangan bukan Islam. Cadangan berkenaan akan menjadi satu landasan untuk mencari jalan penyelesaian secara holistik dengan mengambil kira kepentingan dan keadilan semua pihak.

Berhubung dengan bilangan kes penukaran agama yang berlaku di Sabah dari tahun 2004 hingga 2014, perkara tersebut boleh dirujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah atau Majlis Ugama Islam Sabah memandangkan perkara berkaitan hal ehwal agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Sekian, terima kasih.